

FUNGSI HAJI

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

1. Peranan JAWHAR dalam pemerkasaan haji di Malaysia adalah:
 1. Memberi khidmat nasihat dan pandangan kedua serta maklum balas kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) selaras dengan Peruntukan Akta Tabung Haji (Akta 535) mengenai isu-isu yang berkaitan perundangan, pelaburan dan pengurusan haji.
 2. Menjalankan penyelidikan, pengurusan dan pengendalian operasi haji/umrah serta mengumpul maklumat mengenainya.
 3. Kajian Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Haji.
 4. Menjalankan fungsi advokasi melalui Program kesedaran berkaitan Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Haji.
 5. Menjalinkan kerjasama pintar dengan institusi pengajian tinggi atau institusi penyelidikan di dalam bidang berkaitan.
 6. Penerbitan jurnal/manual/artikel/garis panduan berkaitan Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Haji.

2. Perbezaan bidang kuasa Lembaga Tabung Haji (TH) dengan JAWHAR adalah seperti berikut:
 1. TH merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). TH menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. TH mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, TH berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. TH komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian TH yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. TH mempunyai lebih daripada 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 '*touch-points*' di seluruh negara. TH juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia Operasi TH berlandaskan tiga aktiviti utama iaitu:
 - i.. Menyediakan Perkhidmatan tabungan untuk Umat Islam.
 - ii. Pelaburan Dana yang terkumpul dan pengawasan fungsi pelaburan.
 - iii. Perkhidmatan Haji di tanah air dan di tanah suci.
 2. Bidang kuasa JAWHAR pula memberi khidmat nasihat dan maklum balas kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) selaras dengan Peruntukan Akta Tabung Haji (Akta 535) mengenai isu-isu yang berkaitan perundangan, pelaburan dan pengurusan haji, menjalankan kajian, penyelidikan, penerbitan dan penyelarasan mengenai isu-isu dan program-program pengukuhan institusi haji.

3. Program yang dilaksanakan JAWHAR berkaitan Fungsi Haji antaranya:
 1. JAWHAR Intellectual Discourse (JID) berkaitan Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Haji.
 2. Munaqasyah Ilmu berkaitan Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Haji.
 3. Bengkel Kajian Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Haji.
 4. Bengkel Manual Pengurusan Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Haji.
 5. Kajian Garis Panduan Pengurusan Badal Haji dan Haji Furada.
 6. Kajian mekanisme pemantauan penipuan Pakej Badal Haji dan Haji Furada.
 7. Menyediakan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Lawatan Kerja YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Ke Arab Saudi bagi menghadiri Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Haji /Pada Musim Haji.
 8. Menjalankan pemantauan pengurusan dan pengendalian operasi Haji/Umrah Kompleks Haji/Pusat Pelepasan Jemaah Haji.
 9. Melaksanakan Lawatan Kerja Penyelidikan Pengurusan dan Pengendalian Operasi Haji/Umrah Bagi Musim Haji di Tanah Suci.
 10. Pameran berkaitan Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Haji.
 11. Pertemuan Khas Ketua Pengarah JAWHAR Bersama Agensi Pengelola Jemaah Haji (PJH) di Malaysia.

4. Peranan JAWHAR dalam Isu Pengurusan Haji dan Pandemik Covid-19 di Malaysia:

JAWHAR telah menyelaras Memorandum Jemaah Menteri berkenaan Pelaksanaan Haji Bagi Musim Haji 1441 Hijrah (2020) Berikutan Penularan Covid-19 dan JAWHAR juga telah mendapatkan ulasan/pandangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Luar Negeri berkenaan isu Penangguhan Haji disebabkan pandemik Covid-19.

5. Peranan JAWHAR dalam Isu Penipuan Haji Furada (HF) dan Badal Haji di Malaysia:

1. Pihak JAWHAR juga sedang menyediakan satu garis panduan dan mekanisme pemantauan pengurusan Haji Furada dan Badal Haji secara bersama dengan Lembaga Tabung Haji (TH) dan Pengelola Jemaah Haji (PJH) bagi memudahkan pengurusan haji melalui Visa Haji Furada (VHF) dengan lebih sistematik kerana VHF ini tidak boleh dibatalkan kerana keistimewaan ini dihadiahkan oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.
2. JAWHAR akan mencari satu pendekatan yang boleh mendidik masyarakat seperti melaksanakan program bimbingan dan taklimat bagi menangani Penipuan Pakej Haji Furada dan Badal Haji.

6. Kajian-kajian yang telah dilaksanakan dan diterbitkan oleh JAWHAR berkaitan Haji:
 1. Manual Pengurusan Dam Haji.
 2. Manual Pengurusan Kesempurnaan Manasik.
 3. Manual Pengurusan Haji Iفراد, Haji Tamattuk dan Haji Kiran.
 4. Manual Pengurusan Badal Haji.
 5. Jurnal berkaitan Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Haji.
 6. Artikel berkaitan Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Haji.